



08 DEC, 2021

## Lynas: Tapak PDF kekal di kawasan perindustrian Gebeng



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

## Lynas: Tapak PDF kekal di kawasan perindustrian Gebeng

**KUALA LUMPUR** - Tapak cadangan bagi pembinaan kemudahan pelupusan kekal (PDF) kilang pemprosesan nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn Bhd kekal di kawasan Perindustrian Gebeng seluas 28.328 hektar dan menunggu kelulusan pembinaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, laporan penilaian kesan radiologi (RIA) telah dihantar, manakala Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) kawasan itu dikemukakan kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) sebelum kelulusan diberikan.

“Pembinaan tapak PDF di Bukit Ketam, Kuantan telah pun ditamatkan, tidak ada berlaku lagi pembinaan PDF di situ dan telah dipindahkan dan dicadangkan di kawasan Perindustrian Gebeng berhampiran dengan *Lynas Advanced Material Plant* (LAMP) iaitu kilang yang Lynas ada sekarang.

“Kita laksanakan keperluan RIA dan EIA dipenuhi dan esok (Rabu) laporan RIA akan tamat dan ia telah pun dihantar dan EIA (akan dihantar

esok, selepas itu proses kelulusan dibenarkan.

“(Pembinaan tapak PDF) ia akan berlaku di tapak sedia ada iaitu bersebelahan LAMP,” katanya.

Beliau menjawab soalan **Steven Choong Shiao Yoon (Bebas-Tebrau)** sama ada tapak PDF kekal di kawasan Perindustrian Gebeng atau ada tapak baru serta langkah memastikan penduduk selamat.

Semasa ditanya **Nor Azrina Surip (PH-Merbok)** sama ada kerajaan meluluskan pembinaan PDF itu memandangkan kawasan yang dicadangkan tidak digazet sebagai tempat pelupusan sisa toksik, Dr Adham berkata, ia akan dibina mematuhi piawaian tempatan dan antarabangsa.

“Kawasan LAMP sebenarnya ada *temporary residual* bahan radioaktif dan ia perlu dipindahkan ke PDF. Kawasan itu dah dikaji pemonitoran 20 kilometer radius oleh RIA dan ia selamat.

“Ada tiga prinsip iaitu keselamatan, perlindungan dan jaminan ditetapkan serta ia perlu dipatuhi sebelum dibenarkan,” katanya. - *Bernama*



08 DEC, 2021

## Lynas: Tapak PDF kekal di kawasan perindustrian Gebeng

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Tapak cadangan bagi pembinaan kemudahan pelupusan kekal (PDF) kilang pemprosesan nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn Bhd kekal di kawasan Perindustrian Gebeng seluas 28.328 hektar dan menunggu kelulusan pembinaan. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, laporan penilaian kesan radiologi (RIA) telah dihantar, manakala Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) kawasan itu dikemukakan kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) sebelum kelulusan diberikan.